

Bab 8

KONSEP KEUSAHAWANAN SOSIAL ISLAM: AMALAN BERAGAMA DAN PENINGKATAN PENDAPATAN

Nur Azuki bin Yusuff

1.0 Pendahuluan


Konsep Keusahawanan Sosial Islam dibentuk mengambil kira pelaksanaan golongan usahawan sosial Islam berjaya melalui sumber wahyu al-Qur'an dan as-Sunnah dalam kerangka akidah, syariah dan akhlak. Terdapat kepelbagaian komponen yang diketengahkan, antara yang paling ketara berdasarkan model yang terdapat dalam perbincangan di bawah ini.

2.0 Konsep Keusahawanan Sosial Islam

Konsep Keusahawanan Sosial yang dibawa oleh Mohd Adib, Shuhairimi, Azizan (2015) telah diperincikan semula dengan mengambil kira 4 komponen di bawah iaitu:

1. Komponen penaungan iaitu khalifah.
2. Komponen pembinaan iaitu persaudaraan, jihad ekonomi, keadilan dan keseimbangan serta menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kepada keburukan.
3. Komponen sokongan modal yang terdiri daripada zakat, sedekah dan wakaf.
4. Komponen hasil kesinambungan iaitu al-Falah, kebajikan, peningkatan ekonomi ummah, membangun dan meningkatkan nilai sosial pemberi.

Kesemua komponen berkenaan mampu membangunkan Islam melalui wadah keusahawanan sosial. Model berupa masjid di bawah mewakili kerangka aspirasi pemacuan hidup beragama.



Model: Konsep Keusahawanan Sosial Islam (Nur Azuki, 2015)

1. Komponen Penaungan (Khalifah)

Manusia sebagai khalifah di dunia ini beramanah besar dalam mentadbir, memimpin, dan memakmurkan alam. Ini bermaksud nasib kestabilan dan kelestarian dunia ini bergantung kepada peranan khalifah. Benarlah firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Baqarah, 2:30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Bermaksud: *Ingatlah ketika Allah s.w.t. berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.” Mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan menyucikan Engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”*

Begitu juga dalam Surah Hud, 11: 61:

❖ وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ هُوَ أَنْشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ
 إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُجِيبٌ ﴿٦١﴾

Bermaksud: “Dan kepada kaum Thamud (kami utus) saudara mereka, Soleh. Soleh berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah, sekali-kali tidak ada bagimu Tuhan selain Dia. Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya, kerana itu mohonlah ampunanNya, kemudian bertaubatlah kepadaNya. Sesungguhnya Tuhanku amat dekat (rahmatNya) lagi memperkenankan (doa hambaNya”.

Justeru, usahawan sosial yang memiliki jiwa khalifah akan dapat melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya memakmurkan dunia. Mereka perlu memastikan kurnian Allah s.w.t. dimanfaatkan sepenuhnya. Allah s.w.t. turut berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

Bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang diamanahkan ke atasmu, sedang kamu mengetahui.” (Surah Al-Anfal, 8: 27)

Konsep kekhalifahan juga berkait dengan amanah dalam pemilikan harta kebendaan, iaitu pemilikan sebenar milik Allah s.w.t. manakala khalifah hanya bertindak sebagai wakil atau pemegang amanah sahaja. Pernyataannya ada dalam Firman Allah s.w.t. (Surah Al-Ahzab, 33: 72)

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah menawarkan amanah kepada langit, bumi dan gunung-ganang; tetapi semuanya

enggannya untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir tidak akan melaksanakannya (berat), lalu manusia pun memikul amanah itu. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat bodoh.”

2. Komponen Pembinaan

a. Konsep Persaudaraan

Persaudaraan melibatkan ikatan hubungan manusia dengan manusia. Jaringan hubungan yang berkualitas menjamin kekuatan konsep persaudaraan. Justeru, usahawan sosial yang berjaya mesti memiliki amalan baik dalam persaudaraan untuk meningkatkan lagi jaringan perhubungan di antara satu sama lain. (Muhamad Dahlan Ibrahim, 2002) Konsep keusahawanan sosial Islam memanisfestasikan sistem muamalat melalui rasa tanggungjawab, kasih-mengasihani dan amalan tolong-menolong sesama manusia dalam menjalankan aktiviti keusahawanan sosial (Adnan Alias & Muhammad Dahlan Ibrahim 2002; Shuhairimi Abdullah, 2011).

Dengan semangat dan nilai amalan toleransi yang baik, usahawan sosial muslim dapat menyempurnakan tugas amanah dan tanggungjawab sebagai hamba Allah sempurna. Sekiranya amalan ini dihayati sepenuhnya, ia dapat meningkatkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat. Amalan tersebut juga dapat mengikis sifat mazmumah seperti tamak, kedekut, tidak bertimbang rasa, eksploitasi, dan lain-lain sifat terkeji. Sebagaimana maksud sabdaan Nabi Muhammad s.a.w (dari Anas): “Tidaklah sempurna keimanan seseorang di antara kamu sehingga ia mencintai saudaranya sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri.” (Hadis Riwayat Al-Bukhari, No 13)

b. Konsep Jihad Ekonomi

Jihad merupakan syariah Islam yang berkaitan dengan amalan mengerah kekuatan dan kemampuan dalam hati, kata-kata dan amalan kerana Allah s.w.t. Jihad merupakan perjuangan yang bersungguh-sungguh untuk menegakkan perkara-perkara yang

diperintahkan Allah s.w.t. dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang. Firman Allah s.w.t. (Surah Al-Hajj, 22: 78):

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ ۗ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۗ مِلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَاهِيمَ ۗ هُوَ سَمَّاكُمُ الْمُسْلِمِينَ مِنْ قَبْلُ وَفِي هَذَا لِيَكُونَ الرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Bermaksud: “Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah s.w.t. dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia lah yang memilih kamu (untuk mengerjakan suruhan agamanya); dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama, agama bapa kamu Ibrahim. Ia menamakan kamu: "orang-orang Islam" semenjak dahulu dan di dalam (Al-Qur’an) ini, supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu, dan supaya kamu pula layak menjadi orang-orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah). Oleh itu, dirikanlah sembahyang, dan berilah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dia lah Pelindung kamu. Maka (Allah s.w.t yang demikian sifatNya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan.”

Usahawan sosial muslim perlu memiliki asas ini sebagai kekuatan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. . Firman Allah s.w.t. dalam al-Qur’an (Surah Al-Baqarah, 2: 195):

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Bermaksud: “Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah s.w.t. dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah s.w.t. menyukai orang yang berbuat baik.”

Hal ini dapat memberikan nilai yang baik kepada usahawan sosial berjaya dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial Islam. Sila rujuk maksud hadis dalam Shahih Bukhari dan Muslim; diriwayatkan daripada Abu Dzar, dia berkata “ Aku berkata: Wahai Rasulullah! Perbuatan apakah yang paling utama?” Rasulullah SAW menjawab, Iman kepada Allah s.w.t. dan berjihad di jalanNya.’ (Hadis Riwayat Riyadhus Shalihin, No 471).

Konsep jihad meliputi jihad nafsu, peperangan, harta benda, munafik, musyrik, iblis dan syaitan dan lain-lain. Jihad ekonomi ialah jihad daripada sudut material/kebendaan dan spiritual. Jihad ekonomi merangkumi aspek perniagaan, sosial dan pendidikan (Muhammad Ali Hashim, 2013). Konsep jihad juga menghalang sesuatu dasar ekonomi yang berkonsepkan kapitalisme, sosialisme, dan komunisme yang boleh menghancurkan ekonomi sesebuah negara. Secara kesimpulannya, jihad ekonomi dilaksanakan bertujuan mencari keredhaan Allah s.w.t., mempertahankan maruah diri/kehormatan dan harta benda daripada musuh Allah s.w.t., membanteras kezaliman yang ditujukan kepada umat Islam, membantu golongan yang lemah, memartabatkan keadilan dan haq, menghapuskan dasar-dasar ekonomi yang berkonsepkan kapitalisme, sosialisme, dan komunisme serta merapatkan jurang orang kaya dan orang miskin.

c. Konsep Keadilan dan Keseimbangan

Keadilan dan keseimbangan penting bagi *survival* (ikhtiar hidup) usahawan sosial berjaya melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial Islam. Firman Allah s.w.t.:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوَّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اَلَّا تَعْدِلُوْا اَعْدِلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۗ اِنَّ اللّٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ



Bermaksud: *“Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah s.w.t., sesungguhnya Allah....”*

Adil difahami dengan maksud meletakkan sesuatu pada tempatnya, jika berlaku sebaliknya maka itu bermaksud zalim. Keadilan mesti dititik-beratkan oleh usahawan sosial muslim kerana sifat adil wajib dilaksanakan pada setiap peringkat dalam berekonomi dan melaksanakan aktiviti keusahawanan. Apabila seseorang usahawan itu menjalankan kegiatan keusahawanan di samping mendapat keuntungan, mereka juga mampu untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat seperti menawarkan keperluan yang banyak, harga yang berpatutan, kualiti terjamin serta mengeluarkan zakat. Hasilnya, ia akan menyumbangkan agihan kekayaan dalam masyarakat. Sila rujuk hadis riwayat Abu Hurairah r.a., dia berkata, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Setiap ruas tulang manusia wajib bersedekah setiap hari, dimana matahari terbit.” Selanjutnya beliau bersabda, “Berlaku adil antara dua orang adalah sedekah, membantu seseorang (yang kesulitan menaikkan barang) pada haiwan tunggangannya atau mengangkatkan barang-barangnya adalah sedekah.” Rasulullah s.a.w. juga bersabda, dengan maksudnya: “perkataan yang baik adalah sedekah, setiap langkah yang dikerahkan menuju solat adalah sedekah dan menyingkirkan duri dari jalan adalah sedekah.” (Hadis Sahih Riwayat Muslim, 1677)

d. Menyuruh Kepada Kebaikan dan Mencegah Kepada Kemungkaran

Amalan mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran ini ialah konsep yang perlu ada bagi setiap Muslim terutamanya golongan usahawan sosial berjaya. Hal ini demikian kerana konsep ini dapat meningkatkan lagi tahap kepuasan sosial dalam kalangan usahawan itu sendiri. Di samping itu juga, aktiviti sosial yang dijalankan adalah

berdasarkan perkara tuntutan agama dan mendatangkan kebaikan (masalah). Dengan itu, usaha yang dijalankan oleh usahawan sosial berjaya ini menjadi contoh dan tauladan kepada masyarakat dan agama. Firman Allah s.w.t.: (Surah Al-Hasyr, 59:7)

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ
 وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةَ بَيْنِ الْأَغْنِيَاءِ
 مِنْكُمْ وَمَا أَنْتُمْ بِالرَّسُولِ فَخْذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا
 اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Bermaksud: "...agar harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya."

3. Komponen Sokongan Modal

a. Zakat

Zakat ialah agihan harta kepada golongan asnaf tertentu yang layak menerima zakat. Konsep ini bukan sekadar memindahkan harta kepada asnaf sahaja, malah ia membawa pengertian yang sangat besar daripada itu. Perbuatan mengagih kekayaan seperti ini dapat meningkatkan semangat kemasyarakatan dan keharmonian sesebuah negara dan konsep ini merupakan tanda kesyukuran dan pengabdian diri terhadap Allah s.w.t. (Adnan Alias & Mohamed Dahlan Ibrahim, 2002). Firman Allah s.w.t. (Surah Ibrahim, 14: 7):

وَإِذْ تَأَذَّتْ رِبُّكُمْ لِيَنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلِيَنْ
 كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Bermaksud: "Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, Kami pasti

akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmatKu), maka sesungguhnya azabku sangat pedih.”

Usahawan sosial muslim yang melaksanakan amalan ini dapat menyuburkan sosioekonomi kerana zakat dapat memberi sumbangan secara langsung kepada masyarakat dan menepati dengan matlamat dan visi sosial untuk membantu masyarakat mengurangkan beban dan tekanan ekonomi. Manfaat yang diterima oleh usahawan sosial muslim menerusi proses zakat bukanlah setakat pembersihan harta yang mereka miliki malah kelangsungan manfaat yang berpanjangan hingga ke akhirat.

b. Wakaf

Wakaf merupakan proses melepaskan hak pemilikan kepada masyarakat dari sudut zat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Proses wakaf ini bertujuan untuk merapatkan jurang sosioekonomi masyarakat dan menghapuskan sifat-sifat permusuhan, hasad dengki, tamak dan ketidakpuasan hati segolongan masyarakat. Konsep wakaf juga dapat menjadikan hati golongan usahawan sosial berjaya bersih daripada sifat tamak kepada harta dan terlalu sayang dan cintakan harta benda selari dengan konsep *tazkiyah* (pembersihan hati).

c. Sedekah

Selain zakat dan wakaf, Islam amat menggalakkan perbuatan memperbanyakkan sedekah dan amalan jariah. Amalan berkenaan dapat menambahkan keberkatan rezeki bagi yang melaksanakannya di samping mengeratkan silaturahim sesama manusia. Firman Allah s.w.t. (Surah Al-Hadid, 57:7)

ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَأَنْفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَخْلِفِينَ فِيهِ ۖ فَالَّذِينَ

ءَامِنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

Bermaksud: “Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan belanjakanlah (segala kekayaan yang diperolehi pada

jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikan untuk kamu menguasainya; Maka orang-orang beriman yang membelanjakan (sebahagian hartanya pada jalan Allah) adalah mereka akan beroleh pahala yang besar.”

4. Komponen Hasil Berkesinambungan

a. Konsep Al-Falah

Al-Falah bermaksud kejayaan mutlak. Melalui konsep ini, usahawan sosial muslim mesti menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Khalifah di atas muka bumi ini dengan membantu masyarakat melalui aktiviti sosial. Konsep al-Falah dicapai dengan mendapatkan keredaan dan keberkatan Allah s.w.t. dalam setiap perkara yang dibuat di dunia dan di akhirat. Kejayaan tersebut diukur dengan objektif syariah dalam setiap aktiviti sosial yang dilaksanakan dalam membasmi kadar kemiskinan dan kekurangan masyarakat yang memerlukan di Malaysia.

b. Memenuhi Keperluan Sosial Masyarakat

Antara objektif Keusahawanan Sosial Islam adalah untuk memenuhi keperluan sosial masyarakat seperti memenuhi keperluan asas iaitu keperluan makananan, pakaian, dan tempat tinggal. Selain itu, menyediakan kemudahan umum dengan penyediaan infrastruktur memulihara tandas awam, masjid dan surau, menaik taraf pusat sehenti, memberi makanan kepada gelandangan dan sebagainya. Usaha pembasmian kemiskinan melalui pendidikan jasmani, rohani, emosi dan intelektual sebagai contohnya mampu memperkasakan keperluan masyarakat.

c. Membangun dan Meningkatkan Nilai Sosial Pemberi

Konsep membangun dan meningkatkan nilai sosial pemberi ini merujuk kepada personaliti dan amalan usahawan sosial berjaya yang sentiasa aktif dalam melaksanakan aktiviti sosial. Dengan menjalankan aktiviti sosial ini, usahawan sosial berjaya dapat

meningkatkan nilai-nilai murni dalam diri dan boleh mendekati diri kepada Allah s.w.t. selain dapat membangunkan ekonomi masyarakat dan negara umumnya.

d. Jaminan Sosial

Konsep jaminan sosial ini adalah selaras dengan kehendak Maqasid al-Syariah yang bersandarkan kepada al-Qur'an dan al-Hadis dalam menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Konsep jaminan sosial yang dimaksudkan ialah usaha yang dilaksanakan oleh golongan usahawan sosial berjaya dalam membantu mengurangkan kadar kemiskinan masyarakat, meningkatkan tahap keselamatan, menyediakan kemudahan dalam pendidikan, perubatan dan sebagainya. Peranan yang dilakukan oleh usahawan sosial berjaya dapat memberi jaminan sosial kepada masyarakat dan negara.

e. Peningkatan Ekonomi Ummah

Peningkatan ekonomi ummah akan terlaksana apabila usahawan sosial berjaya itu benar-benar melakukan aktiviti keusahawanan sosial Islam secara menyeluruh. Hasil aktiviti sosial tersebut dapat membantu masyarakat dan meningkatkan taraf ekonomi sesebuah komuniti. Konsep peningkatan ekonomi ummah ini perlu diterapkan dalam setiap diri individu yang bergelar usahawan sosial berjaya kerana aktiviti berkenaan dapat memberi impak positif dalam menyalurkan hasil keuntungan, pendapatan, dan perolehan kepada masyarakat setempat melalui misi-misi sosial. Konsep ini secara ~~langsung~~ langsung mampu menangani gejala sosial dan memacu ekonomi negara.

3.0 Amalan-Amalan Usahawan Sosial Islam

Hakikatnya komponen Konsep Keusahawanan Sosial Islam dilandasi oleh amalan beragama yang merupakan kayu ukur status beragama seseorang. Berdasarkan konsep keusahawanan sosial yang dibincangkan, jelas bahawa amalan usahawan wajib berlandaskan agama. Antara amalan yang perlu bagi individu usahawan sosial adalah seperti berikut:

- i. Amalan yang mendahulukan segala urusan Allah s.w.t. iaitu solat fardu dan solat-solat sunat.
- ii. Berpuasa dan mengeluarkan zakat.
- iii. Berdoa, berzikir dan bermunajat kepada Allah s.w.t.
- iv. Mengerjakan ibadat haji dan umrah
- v. Membaca al-Quran dan menghayati ajarannya.
- vi. Menginfak harta, bersedekah, memberi makan kepada golongan fakir dan miskin.

Kesemua amalan perlu kembali kepada keredaan dan keberkatan Allah s.w.t di dunia dan akhirat. Menginfakkan harta di jalan Allah s.w.t. adalah antara amalan yang diredai dan diberkati oleh Allah s.w.t.. Semakin banyak harta yang dikeluarkan untuk Allah s.w.t. maka semakin banyak juga rezeki yang bakal diterima. Allah s.w.t. berfirman: (Surah Al-Baqarah, 2:245)

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ أَمْضَعًا
كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

Bermaksud: “Barang siapa meminjami Allah s.w.t. dengan pinjaman yang baik (menafkahkan hartanya ke jalan Allah), maka Allah akan melipatgandakan pembayaran kepadanya dengan lipat ganda yang banyak, dan Allah menyempitkan dan melapangkan (rezeki) dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan.”

Allah s.w.t. juga menjadikan amalan kebajikan kita semakin sempurna. Firman Allah s.w.t.: (Surah Ali-Imran, 3:92)

لَنْ نَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ
بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Bermaksud: “Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian daripada harta yang kamu cintai, dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah

mengetahuinya.” Firman Allah s.w.t. lagi: (Surah Al-Isra’, 17:29-30)

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا
مَّحْسُورًا ﴿١٩﴾ إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ كَانَ
بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿٢٠﴾

Bermaksud: “Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah terlalu menghulurkannya kerana itu kamu menjadi tercela dan menyesal. Sesungguhnya Tuhanmu melapangkan rezeki kepada siapa yang Dia kehendaki dan menyempitkannya; sesungguhnya Dia Maha Mengetahui, lagi Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya.”

4.0 Perkaitan Antara Peningkatan Pendapatan Dan Amalan Beragama

Islam melihat elemen keusahawanan merupakan pemangkin dalam mencapai maksud sebenar kehidupan, sama ada dari sudut ekonomi, politik, sosial, budaya dan sebagainya. Namun, terdapat situasi berbeza apabila perbincangan isu perkaitan amalan beragama dan peningkatan pendapatan masyarakat miskin dibahaskan. Timbul persoalan bagaimana ingin mengejar akhirat dan dalam masa yang sama mengejar dunia. Penulis berusaha membuktikan konsep keberkatan dan kebenaran yang ada daripada Firman Allah s.w.t. (al-Quran, al-Talaq: 2-3):

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا وَيَرْزُقْهُ مِن حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَن يَتَوَكَّلْ
عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ وَإِنَّ اللَّهَ بَلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

Bermaksud: “Barangsiapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberi rezeki kepadanya tanpa disangka-sangka. Dan barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan

mencukupkannya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.”

4.1 Masalah yang Merencanakan Peningkatan Pendapatan

Kemiskinan boleh meningkatkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Inisiatif awal dalam usaha membantu masyarakat miskin adalah dengan mengetengahkan ciri yang boleh menjadi kunci pemula kepada kejayaan. Ukuran kemiskinan merupakan perkara subjektif dan tidak lari daripada pertimbangan nilai. Tidak ada satu pun definisi kemiskinan yang boleh dikatakan neutral (Abu Sufian: 1998). Kemiskinan dianggap satu konsep yang sukar ditakrif dan diukur, sehingga ada pendapat menyatakan kemiskinan itu wujud hanya dalam fikiran¹. Ini tentu terlalu subjektif dan boleh menafikan keadaan sebenar, kerana dalam masyarakat wujud orang yang berharta serta hidup senang-lenang berbanding dengan orang lain yang hidup dalam kesempitan.

Dr. Syed Husin Ali menyatakan terdapat dua keperluan hidup bagi manusia moden iaitu keperluan asasi dan keperluan sosial². Sesetengah orang mampu mendapatkan segala keperluan ini dengan memuaskan, manakala tidak bagi segelintir pihak. Mereka yang tidak berkebolehan mendapatkan seluruh keperluan itu adalah dianggap miskin. Daripada pandangan Syed Husin Ali inilah titik pemula kepada ukuran peningkatan pendapatan. Peningkatan ini diambil kira daripada ukuran tahap pendapatan sama bersifat kuantiti (matawang), infrastruktur (sebarang bentuk kemudahan fizikal) mahupun kualiti hidup (kesenangan dan keberadaan).

Isu perkaitan ini sudah dijawab dalam Konsep Keusahawanan Sosial Islam sebelum ini bahawa sememangnya telah wujud.

¹ Maksudnya seseorang itu adalah miskin apabila ia merasakan atau memikirkan dirinya miskin

² Keperluan asasi (iaitu makanan, tempat tinggal dan pakaian) serta keperluan sosial (seperti pendidikan, perubatan, bekalan api dan air serta kenderaan)

Namun bagi tujuan penegasan, kami susuli dengan beberapa kajian.

Kajian impak bantuan kemiskinan 2013 dan 2014 di bawah pemantauan JPP³ berkaitan mengenal pasti masalah dan halangan yang dihadapi oleh penduduk miskin di Kelantan yang menyebabkan mereka kekal miskin dalam sektor ekonomi dan pekerjaan mereka. Jawapan di bawah menjawab soalan bahawa adanya perkaitan amalan beragama dan kualiti hidup dengan tiada berlaku peningkatan pendapatan dan mengekalkan mereka sebagai miskin. Antara masalah yang dikenal pasti:

a. Tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan rendah

Tahap pendidikan rendah memberi kesan signifikan kurang pendapatan. Hal ini bertepatan dengan dapatan Zulkifli Osman (2010), Chapman & Harding (1985) dan Psacharopoulos & Patrinos (2004). Keputusan penganggaran fungsi upah menjelaskan kedudukan tidak berubahnya taraf dan status miskin responden kerana kekal dalam kepompong kemiskinan. Tahap pendidikan ketua isi rumah yang diketengahkan menegaskan lagi terdapatnya hubungan kait antara tahap pendidikan seseorang dengan pendapatan yang diperolehi. Tahap kesedaran yang rendah terhadap pendidikan merupakan faktor yang membawa kepada kemunduran.

b. Sikap kurang berusaha (malas)

Angka 19% sahaja masyarakat miskin yang tidak menerima bahawa 'Rezeki secupak tak akan jadi segantang'. Justeru, sikap berpada tinggi dalam kalangan miskin. Dapatan ini disokong bahawa lebih 70% masyarakat mengatakan usaha keluar daripada kemiskinan adalah dengan mengharapkan bantuan. Sikap memohon bantuan 'subsidi' memang budaya yang mengekalkan kemiskinan. Ramai yang tidak yakin boleh berubah setelah berusaha. Kurang keyakinan ini wujud ekoran kurang berusaha kerana kelemahan tertentu atau paradigma berpada atas situasi yang dialami.

³ Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

c. Kurang amalan beragama

Amalan beragama sememangnya boleh dipersoalkan. Pengukuran yang mengambil kira kekerapan amalan solat subuh dan asar secara berjemaah atau tidak mengetengahkan hanya 17.1% yang kerap mengamalkan solat subuh berjemaah dan 16.6% bagi yang mengerjakan solat asar. Tiada jawapan kepada tidak bersolat dan dalam lingkungan 13% hingga 15% tidak menjawab soalan ini. Kajian yang pernah dilakukan oleh Dr Abdullah Sudin, 2005 menunjukkan 22.1% bagi yang mengerjakan solat subuh dan 21.6% yang mengerjakan solat asar, manakala 35.1% dan asar 31.8% bagi yang tidak pernah berjemaah solat subuh.

Bagi kekerapan membaca al-Quran pula, 17% responden yang ada ruang masa membaca al-Quran berbanding 28.1% yang tidak mengamalkannya. Kurang membaca al-Quran tidak boleh dijadikan alasan kerana tidak pandai membaca al-Quran apabila lebih 70% yang boleh membaca al-Quran walaupun kurang lancar. Kajian Dr. Abdullah Sudin 2005 juga menyatakan 28% membaca al-Quran sebagai rutin harian dan 80% boleh membaca al Quran.

Dalam isu penghayatan beragama, ukuran terakhir ialah berkenaan keyakinan mereka terhadap rezeki. Ramai responden juga yang kurang yakin terhadap ketentuan Tuhan apabila 28% kurang dan tidak bersetuju apabila dikatakan semakin kuat beragama semakin melimpah rezeki. 13% responden pula mengambil sikap tidak menjawab.

Dato' Azman Abdul Rashid bekas Pengarah JPP (2005) pernah menyatakan golongan bukan miskin lebih kerap solat di masjid berbanding golongan miskin di Kelantan bagi semua solat lima waktu setiap hari antara 12.8% ke 18.2%. Jarak ini amat ketara, begitu juga golongan miskin lebih kerap (5%) meninggalkan puasa Ramadan berbanding bukan miskin. Manakala dari sudut membaca al-Quran, golongan bukan miskin lebih kerap (10.4%) membacanya setiap hari berbanding dengan golongan miskin.

d. Kurang kesedaran

Pengukuran tahap kesedaran lebih merujuk konteks nilai yang tinggi. Dalam melihat kefahaman konsep syukur dengan penerimaan rezeki, pandangan responden seolah-olah seimbang antara rasa tidak puas hati dan puas hati. Dapatan kajian ini seakan menyamai dapatan kajian Dr. Abdullah Sudin (2005) tentang kemiskinan di Kelantan atas tajaan UiTM. Berdasarkan pengamatan, responden yang kurang puas hati dan responden tidak berpuas hati boleh dikatakan tidak mensyukuri nikmat Tuhan ataupun merasakan perlunya ada perubahan kepada lebih baik. Jawapan seterusnya lebih menampakkan isu kesedaran apabila lebih 31% responden seolah-olah tidak menerima kemiskinan sebagai ujian untuk mereka apabila ditanyakan “Secara sedar, anda melihat kemiskinan yang dihadapi adalah ialah tanda kasih Tuhan dan ujian-Nya”. Bilangan responden menyamai angka 31% yang menjawab tidak dan amat tidak puas hati dengan rezeki yang dikurniakan.

e. Kurang keikhlasan

Isu keikhlasan berkaitan pilihan keutamaan agihan pendapatan yang diterima sama ada kepada diri, anak, pasangan, keluarga dan selainnya, kepentingan diri lebih mendominasi sikap mereka berbanding budaya memberi kepada orang lain (1.5%). Walaupun anak dan pasangan menjadi keutamaan (59%), namun, agihan kepada keluarga terdekat dan kawan tidak diutamakan. Sikap kepentingan diri dijelaskan lagi apabila lebih separuh daripada responden melihat sebab atau faktor berusaha mencari rezeki adalah kerana sara diri dan keluarga dan bukannya tuntutan agama dan ibadat(6%). Mungkin jawapan mereka dipengaruhi oleh kurangnya kefahaman tentang agama kerana 27% memilih untuk menyatakan tidak pasti. Jawapan ini dikukuhkan lagi dengan dapatan bahawa sebanyak 32% menyatakan/berpendapat sebab atau faktor mereka bekerja adalah kerana terpaksa rela. Hal ini demikian kerana dapatan kajian menampakkan ada sebilangan responden yang kurang faham tentang tuntutan amanah perkahwinan dan berkeluarga. Respon tersebut tidaklah dilihat sebagai masalah kerana lebih

separuh responden yang faham tanggungjawab. Namun, pengkaji berpendapat angka itu sepatutnya lebih besar.

f. Rendah tahap motivasi

Tahap motivasi bagi mencapai kejayaan sebelum dan selepas menerima adalah sama. Peningkatan pandangan berkenaan kepentingan harta benda yang sebelum ini menyatakan 37% kurang penting kepada 3% selepas mendapat bantuan hanya menggambarkan sikap materialistik dan pengurusan fizikal sahaja. Jelas dapatan ini menampakkan bantuan yang diberikan kurang memberi kesan secara langsung kepada kumpulan sasaran.

Dapatan tahap motivasi dan pandangan tentang kepentingan harta kekayaan yang mengukur sebelum dan selepas mendapat bantuan turut membantu menjawab persoalan kajian selepas ini iaitu berkenaan dengan impak bantuan. Jelas di sini bahawa, usaha peningkatan motivasi perlu dijana secara berterusan, bahkan menjadi antara prasyarat sebelum mendapat bantuan.

Jelas di sini bahawa, isu nilai menjadi teras masalah dan halangan penduduk miskin yang menyebabkan mereka kekal miskin. Isu nilai berkenaan berkisar tentang tahap pendidikan dan tahap kemahiran yang rendah, produktiviti dan pendapatan yang tidak stabil serta kurangnya tahap kerajinan, motivasi, kesedaran dan halangan untuk maju berhubung kait dengan kurangnya amalan kerohanian, kekuatan jati diri di samping sikap berpada dan selesa berada dalam zon kemiskinan kerana mereka ingin kekal dibantu.

5.0 Tiada Perkaitan Antara Peningkatan Pendapatan dan Amalan Beragama

Satu kajian bersama NGO Yayasan Sejahtera (YSM) telah dilakukan, melibatkan 56 peserta komuniti miskin di bawah seliaan sekitar Pasir Puteh dan Bachok selama 1 1/2 tahun (Februari 2014 hingga Ogos 2015). Persoalan kajian yang menjadi tumpuan adalah sejauhmanakah perkaitan tahap

perkembangan kadar pendapatan dengan tahap pengamalan beragama.

Analisis korelasi merujuk kepada hubungan signifikan dilakukan dengan melihat kepada hubungan antara perkembangan pendapatan dan peningkatan kualiti hidup dengan amalan beragama. Hasilnya, skor perkembangan pendapatan memiliki hubungan yang kuat dengan skor perkembangan kualiti hidup iaitu semakin tinggi skor pendapatan maka semakin tinggi skor kualiti hidup.

Namun, hubungan perkembangan pendapatan dengan amalan solat adalah tidak signifikan, sebaliknya hubungan perkembangan pendapatan dengan amalan baca al-Quran dan bersedekah adalah signifikan. Keputusan ini membawa implikasi bahawa seseorang yang memiliki peningkatan pendapatan yang tinggi berkemungkinan kurang cenderung mengekalkan amalan solat baik, namun kebiasaan membaca al-Quran dan bersedekah kekal baik dari sudut amalan. Oleh itu, tahap peningkatan amalan beragama seseorang **tidak dapat** dijangkakan dari tahap peningkatan pendapatannya. Begitu juga hubungan perkembangan kualiti hidup dengan amalan baca al-Quran adalah tidak signifikan walaupun bezantarnya sedikit. Sebaliknya, hubungan perkembangan kualiti hidup dengan amalan solat dan bersedekah adalah signifikan.

Keputusan ini menunjukkan membawa implikasi bahawa seseorang yang memiliki peningkatan kualiti hidup berkemungkinan kurang cenderung mengekalkan amalan membaca al-Quran baik, namun solat dan bersedekah kekal baik dari sudut amalan. Oleh itu, tahap amalan beragama seseorang tidak dapat dijangkakan dari segi tahap peningkatan kualiti hidupnya. Keputusan ini membawa implikasi bahawa seseorang yang memiliki pendapatan tinggi dan kualiti hidup baik berkemungkinan tidak cenderung mempunyai tahap amalan beragama yang tinggi. Oleh itu, tahap peningkatan pendapatan seseorang tidak dapat dijangkakan dari segi tahap amalan beragamanya.

Namun, hubungan yang tidak ada kaitan ini jurangnya tidaklah besar, bahkan amat sedikit kalau dilihat kepada hubungan peningkatan tahap kualiti hidup dengan amalan beragama. Pengkaji optimis mengatakan kemungkinan terdapat kes tertentu atau kajian lain mungkin menyalahi hasil kajian yang diperoleh pengkaji dalam kes peserta Yayasan Sejahtera ini.

Oleh kerana dapatan menunjukkan kurang dan tidak signifikannya hubungan peningkatan pendapatan dengan amalan beragama, pengkaji cuba melihat kepada hubungan dengan item lain. Daripada 9 item lain yang diukur, hanya item 6.2 Cara berubah (0.0) dan 7.0 Tindakan mahkamah (0.008) sahaja signifikan. Maka jelas bahawa tidak signifikan adalah ketara.

Dapatan kajian tidak langsung berkaitan sikap yang merendahkan nilai personaliti responden ialah antaranya berusaha mengekalkan status miskin agar layak menerima sebarang bantuan selain bertindak 'defensif' apabila ditanyakan berkenaan status pemilikan aset dan pendapatan dengan menafikan/berahsia tentang kecukupan kewangan mereka. Ironinya, apabila berkaitan keperluan bantuan semuanya dipenuhi dan diminta.

6.0 Kenapakah berlaku tiada perkaitan antara peningkatan pendapatan dan amalan beragama?

Jawapannya amat mudah, pemberian Allah s.w.t. kepada makhluknya dalam pelbagai bentuk. Contohnya, bentuk rahmat, hikmah, nikmat dan rezeki. Terdapat pemberian dalam bentuk istidraj dan ujian kesenangan.

Rahmat: Allah s.w.t. Maha Pemurah Allah s.w.t. bersifat al-Rahman yang bermaksud Allah s.w.t. Maha Pemurah. Buktinya dengan kurniaan rezeki yang melimpah ruah kepada semua makhluk dan tubuh badan yang sihat dalam menjalani kehidupan tanpa mengira mereka baik atau jahat. Sifat pemurah Allah s.w.t. tidak terbatas kerana kekayaan Allah s.w.t. adalah mutlak. Tuhan memberi sesuatu tanpa mendapat manfaat, tetapi untuk menguji keimanan manusia. Pemberian-Nya kadangkala

disalahertikan, sehinggakan ada yang sombong, takbur dan tidak menjalani hidup seperti yang disuruh-Nya. Manusia semakin alpa dan lupa diri serta tenggelam dengan nikmat kurniaan Ilahi. Hanya sifat Ar Rahim Allah S.W.T. dikhususkan kepada insan beriman dan beramal soleh. Justeru, peningkatan pendapatan boleh berlaku dalam kalangan yang tidak beramal agama dalam sifat al-Rahman Allah (<http://www.sinarharian.com.my/rencana/muhasabah-diri-dengan-istidraj-1.239198>)

Nikmat: Allah s.w.t. mengurniakan nikmat dalam bentuk yang pelbagai sama ada harta, kesihatan, rezeki dan juga anak. Anak ialah anugerah kepada ibu bapa merangkap nikmat daripada-Nya. Justeru, ibu bapa perlu menjaga sebaik-baiknya nikmat itu bagi mencapai keredaan Allah.

Mohd Shahrizal Nasir (UniSZA) berkata dari satu sudut, kadangkala dilihat golongan hamba-Nya yang taat, masih lagi berada dalam keadaan kesusahan dan kesempitan hidup. Manakala, golongan satu lagi yang bergelumang dengan dosa dan noda, terus memperoleh nikmat kesenangan hidup yang banyak. Inilah yang dinamakan *istidraj* iaitu pemberian nikmat Allah s.w.t. kepada manusia iaitu pemberian berkenaan sebenarnya tidak diredai olehNya. Manusia yang diuji dengan *istidraj* akan memperoleh bermacam-macam kenikmatan dunia sama ada dalam bentuk kekayaan, kejayaan, pangkat dan gelaran, pengiktirafan dan sanjungan, namun kesemua itu tidak menjadikan mereka sebagai hamba-Nya yang bersyukur, sebaliknya terus jauh daripada Allah s.w.t..

Ketahuiilah Allah s.w.t. berkuasa melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Sebagaimana Firman Allah s.w.t. (Surah Yasin: 82)

﴿٨٢﴾ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ، كُنْ فَيَكُونُ

Bermaksud: “*Sesungguhnya keadaan kekuasaanNya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: " Jadilah engkau! "* Maka ia terus menjadi.

Untuk itu, sebagai hamba-Nya yang taat dan beriman, setiap ketentuan Allah s.w.t. pastinya diterima dengan penuh reda. Kewajiban sebagai seorang Muslim mesti diteruskan meskipun masih terdapat harapan dan impian yang masih belum dimakbulkan Allah. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang bermaksud: “Apabila kamu melihat Allah memberikan nikmat kepada hamba-Nya yang selalu membuat maksiat, ketahuilah orang itu telah menerima istidraj daripada Allah.” (Riwayat Ahmad, at-Tabrani & Baihaqi)

7.0 Kesimpulan

Sebagai seorang manusia, pasti terdetik di hati kita perasaan tidak puas hati apabila melihat kekayaan, kesenangan dan kemewahan individu lain padahal dia bukanlah Muslim atau sungguhpun dia Muslim tetapi dia tidak menjalani kehidupan yang dituntut Islam. Umat Islam harus berusaha dan bersabar kerana itulah yang akan mengukur tahap keimanan kepada-Nya. Keyakinan bahawa Allah s.w.t. sentiasa mendengar permohonan hamba-Nya perlu disemat dalam hati setiap insan agar diri kita tidak pernah berputus asa dengan rahmat Allah s.w.t..

Terdapat contoh-contoh yang jelas dalam al-Quran bagaimana Allah s.w.t. menguji hamba-Nya dengan nikmat dunia yang menjadikannya jauh daripada rahmat dan kasih sayang-Nya. Allah s.w.t. menyatakan kepada Rasulullah SAW menerusi firman-Nya yang bermaksud: “*Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit (kejurang kebinasaan), dari arah yang mereka tidak mengetahuinya.*” (Surah al-Qalam: 44)

Oleh itu, menjadi kewajiban kepada usahawan sosial muslim untuk mensyukuri segala nikmat yang kita peroleh selama ini. Jangan sia-siakan setiap nikmat diterima dengan perlakuan yang mengundang kemurkaan Allah s.w.t.. Setiap nikmat perlu disyukuri dengan memperbanyakkan zikrullah, mengurus nikmat atau harta dengan baik dan menginfakkan nikmat tersebut kepada golongan yang memerlukan. Jangan ada yang beranggapan bahawa Islam menzalimi umatnya, meskipun orang kafir tidak beriman, namun masih menerima nikmat yang

banyak daripada-Nya. Hakikatnya, semua nikmat itu adalah istidraj daripada Allah s.w.t.. Selagi mereka kufur, mereka akan termasuk dalam kalangan hamba yang rugi. Hal ini kerana, nikmat yang diperoleh di dunia hanyalah sementara, nikmat syurga di akhirat yang kekal buat selama-lamanya.

Rujukan

- Abu Sufian Abu Bakar (1998), Peranan Baitulmal Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan Bandar dalam kalangan Umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Disertasi Sarjana Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya
- Abdullah Sudin (Dr.) DKK (2005), Profil Kemiskinan di Negeri Kelantan, Institut Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersilan Universiti Teknologi Mara
- Adnan Alias & Mohamed Dahlan Ibrahim, (2002). Keusahawanan Islam. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Azman bin Abdul Rashid (Dato') (1999), Kedudukan Sosioekonomi Kelantan-Kini dan Menjelang Alaf Baru, Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru, Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan dan Institut Penyelidikan dan Pengajian Strategik Kelantan.
- Chamhuri Siwar dan Mohd Hafilah, 1988b. Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan (Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Habibollah. S., Hamed. A., & Davoud. N. (2010). Waqf as a Social Entrepreneurship Model in Islam. *International Journal of Business and Management*. Vol. 5, No. 7; July 2010.
- Mohd Adib Abd Muin, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Pensyarah IBS, Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr. Shuhairimi Abdullah, UniMAP), Prof. Madya. Dr. Azizan Bahari, UniMAP Keusahawanan Sosial Islam: Konsep Dan Amalan, Seminar Penyelidikan Kebangsaan (SPK2015), Strengthening Scholarships Through Research SPKO-48, pada 9 May 2015.
- Mohamad Mustapha. (2002). Keusahawanan Islam. Petaling Jaya: Prentice Hall. Hlm: 1-8.

- Mohd Adib Abd Muin, Shuhairimi Abdullah, Muhammad Fakhirin Che Majid, (2014). Pengurusan Keusahawanan Sosial Islam: Model amalan usahawan berjaya dalam amalan nilai-nilai murni. Prosiding: Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2014.
- Mohd. Fadzillah Kamsah & Muhammad Zakaria. (2008). Langkah bijak usahawan terbilang. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Muhammad Ali Hashim. (2013). Khalifah ganti Superman. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Radin Siti Aishah & Zaidatul Akmaliah. (2013). “Keusahawanan sosial dari perspektif Islam”. In Proceeding of the International Conference on Research in Ethics Education 2013. Istanbul Turki.
- <http://www.sinarharian.com.my/rencana/muhasabah-diri-dengan-istidraj-1.239198>

